



PROGRAM PEMANDU SIHAT DAN SELAMAT

1. Apakah itu Program Pemandu Sihat dan Selamat?

Program Pemandu Sihat dan Selamat (PSS) merupakan satu inisiatif di bawah Belanjawan MADANI 2026 yang menyediakan subsidi perkhidmatan pemeriksaan kesihatan bagi tujuan pembaharuan lesen kepada pemandu kenderaan perdagangan yang layak dari kategori PSV E(Bas), GDL E(Kejur), dan GDL E(Bersendi).

Program ini menyediakan pemeriksaan kesihatan bersubsidi bagi tujuan pembaharuan lesen vokasional secara sistematik melalui pendigitalan Borang JPJL8A. Pemeriksaan ini penting dalam memastikan pemandu berada dalam keadaan sihat serta mengenal pasti masalah kesihatan yang boleh menjejaskan keupayaan pemanduan seperti gangguan tidur (*obstructive sleep apnea*), masalah penglihatan dan penyakit tidak berjangkit (NCD).

Tujuan utama program ini adalah bagi menggalakkan pemandu menjalani pemeriksaan kesihatan komprehensif (menggunakan Borang JPJL8A) dalam usaha meningkatkan tahap kesihatan pemandu dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

2. Siapakah yang layak menyertai program ini?

Pemandu yang mencarum PERKESO layak untuk menjalani pemeriksaan ini sekiranya memenuhi syarat berikut.

- 2.1 Warganegara Malaysia;
- 2.2 Berumur antara 40 hingga 59 tahun;
- 2.3 Pencarum aktif PERKESO di bawah Skim Keilatan Lindung Pekerja atau Lindung Kendiri; dan
- 2.4 Pemegang lesen vokasional PSV E(Bas), GDL E(Kejur), dan GDL E(Bersendi) yang perlu memperbaharui lesen vokasional.

3. Apakah itu lesen PSV E (Bas), GDL E (Kejur), atau GDL E (Bersendi)? *JPJ

Lesen Vokasional PSV E (Bas) merujuk kepada Lesen Vokasional yang diperlukan oleh seseorang untuk memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (KPA) bagi tujuan membawa penumpang komersial bagi mendapatkan sewa atau upah di sesuatu jalan.

Lesen Vokasional GDL E (Kejur) merujuk kepada Lesen Vokasional yang diperlukan oleh seseorang untuk memandu Kenderaan Barangan (KB) jenis kenderaan berat kaku (*rigid heavy vehicle*), iaitu lori berat yang badan dan kabinnya bercantum tanpa treler berasingan.

Lesen Vokasional GDL E (Bersendi) pula merujuk Lesen Vokasional yang diperlukan oleh seseorang untuk memandu Kenderaan Barangan (KB) jenis bersendi (*articulated vehicle*), iaitu kenderaan berat yang terdiri daripada penggerak utama (kepala lori) dan treler yang boleh dipisahkan.

Lesen PSV dan GDL (Kelas E) merujuk kepada kenderaan Berat Tanpa Muatan (BTM) melebihi 7500 kg ke atas. Lesen Vokasional ini dikawal selia oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

4. Apakah tempoh sah dan terma pembaharuan Lesen Vokasional?*JPJ

Tempoh sah kuat kuasa Lesen Vokasional (PSV dan GDL) secara lazimnya adalah **satu (1) tahun**. Bagi tujuan pembaharuan lesen vokasional, pemegang lesen hendaklah memenuhi terma seperti berikut:

- 4.1 Memegang Lesen Memandu Kompeten (CDL) yang berkuat kuasa;
- 4.2 Lulus pemeriksaan kesihatan di klinik panel yang diiktiraf dengan pengesahan di Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A);
- 4.3 Tiada sekatan atau senarai hitam oleh pihak JPJ dan PDRM; dan
- 4.4 Menjelaskan bayaran fi pembaharuan Lesen Vokasional yang telah ditetapkan oleh pihak JPJ.

5. Bagaimanakah cara memperbaharui Lesen Vokasional – PSV E (Bas), GDL E (Kejur), atau GDL E (Bersendi)?*JPJ

Pembaharuan Lesen Vokasional boleh dilakukan di kaunter JPJ UTC, JPJ Cawangan atau JPJ Negeri dengan mengemukakan Laporan Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A) yang telah disahkan berserta dengan resit pembayaran. Kadar fi pembaharuan Lesen Vokasional adalah RM 20.00 bagi tempoh satu (1) tahun, tidak termasuk fi penyelarasan (jika berkenaan).

6. Adakah Program Pemandu Sihat dan Selamat dapat membantu pemandu memperbaharui lesen PSV(E), GDL(Kejur) dan GDL(Bersendi)?*JPJ

Ya, melalui Program Pemandu Sihat dan Selamat, pemandu boleh menjalani pemeriksaan kesihatan bagi tujuan pembaharuan lesen vokasional secara bersubsidi. Program ini dilaksanakan secara sistematik melalui pendigitalan Borang JPJL8A dengan kos pemeriksaan kesihatan ditanggung secara bersama oleh pemandu, PERKESO dan Kerajaan.

Setelah keputusan diperolehi, pemandu boleh hadir ke Kaunter JPJ bagi urusan pembaharuan lesen.

7. Apakah jenis pemeriksaan yang ditawarkan dalam program ini?

Parameter pemeriksaan di bawah program ini ditetapkan selaras dengan parameter pemeriksaan yang dijalankan melalui Borang JPJL8A seperti berikut.

- 7.1 Pemeriksaan fizikal umum
- 7.2 Pemeriksaan penglihatan
- 7.3 Pemeriksaan pendengaran
- 7.4 Saringan Sindrom Kesekatan Pernafasan Tidur Berdengkur (OSA)
- 7.5 Pemeriksaan neurologi dan muskuloskeletal
- 7.6 Pemeriksaan kardiovaskular
- 7.7 Pemeriksaan respiratori
- 7.8 Pemeriksaan diabetes (ujian HbA1c perlu dijalankan sekiranya pencarum menghidap diabetes)

8. Bagaimanakah pemandu yang layak boleh mendapatkan pemeriksaan di bawah program ini?

- 8.1 Pemandu boleh menyemak kelayakan bagi program melalui Portal MESAS.
- 8.2 Pemandu boleh menghubungi Klinik Panel yang berdaftar bagi penetapan janji temu pemeriksaan. Senarai Klinik Panel boleh disemak di Portal MESAS (<https://www.mesas2u.com>).
- 8.3 Pemandu hadir ke Klinik Panel berdasarkan janji temu yang ditetapkan untuk menjalani pemeriksaan atau hadir terus ke klinik untuk penerangan lanjut.
- 8.4 Pemandu perlu mengemukakan lesen vokasional kepada Klinik Panel bagi tujuan pengesahan lesen dan semakan tarikh luput.

- 8.5 Setelah kelayakan pemandu disahkan, pemandu perlu membuat bayaran melalui Portal MESAS sebelum pemeriksaan kesihatan dijalankan oleh Klinik Panel.
- 8.6 Setelah pemeriksaan dijalankan, Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A) akan dicetak oleh Klinik Panel dan diserahkan kepada pemandu untuk diserahkan di Kaunter JPJ bagi tujuan pembaharuan lesen.

9. Adakah perkhidmatan di bawah program ini ditawarkan secara percuma?

Perkhidmatan pemeriksaan kesihatan bagi tujuan pembaharuan lesen di bawah program ini dilaksanakan secara bayaran bersama (*co-payment*). Melalui kaedah ini, kos pemeriksaan kesihatan yang berjumlah RM85.00 akan dibiayai secara bersama di mana PERKESO akan menanggung kos sebanyak RM55.00 manakala pemandu hanya perlu menanggung sebanyak RM30.00.

10. Apakah kaedah pembayaran untuk pemandu yang menjalani pemeriksaan ini?

Melalui kaedah bayaran bersama, pemandu perlu menanggung kos sebanyak RM30.00 dan bayaran tersebut perlu dibuat melalui Portal MESAS sebelum pemeriksaan kesihatan dijalankan oleh Klinik Panel.

11. Dalam seksyen pemeriksaan diabetes, adakah wajib untuk pemandu menjalani ujian HbA1c sekiranya menghidap diabetes?

Ya, pemandu wajib menjalani ujian HbA1c sekiranya menghidap diabetes. Ujian ini akan dijalankan oleh klinik panel semasa pemeriksaan kesihatan dijalankan.

12. Apakah itu ujian HbA1c?

Ujian HbA1c (Hemoglobin A1c) ialah ujian darah yang dijalankan bagi mengukur paras gula dalam darah secara purata dalam tempoh 2–3 bulan terakhir. Pemandu tidak perlu berpuasa untuk menjalani ujian ini.

13. Adakah terdapat bayaran tambahan sekiranya pemandu menjalani ujian HbA1c?

Ya, terdapat bayaran tambahan bagi ujian HbA1c yang dijalankan. Kos bagi ujian ini tidak ditanggung di bawah program ini dan pemandu perlu membiayai kos tersebut sepenuhnya. Kadar harga bagi ujian HbA1c adalah tertakluk kepada klinik panel.

Walau bagaimanapun, pencarum PERKESO yang layak di bawah Program Saringan Kesihatan (HSP) boleh menjalani saringan kesihatan secara percuma termasuk ujian HbA1c. Kelayakan dan maklumat lanjut berkenaan HSP boleh dirujuk di Portal SEHATi (<https://sehati.perkeso.gov.my/>).

14. Bagaimanakah keputusan pemeriksaan akan diterima?

Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A) digital berserta resit pembayaran akan dicetak oleh Klinik Panel dan diserahkan kepada pemandu selepas pemeriksaan kesihatan dijalankan. Dokumen tersebut hendaklah dikemukakan di kaunter JPJ semasa urusan pembaharuan lesen dilakukan.

15. Apakah caj-caj perkhidmatan dalam proses pemeriksaan dan pembaharuan lesen vokasional?

Program PSS menyediakan subsidi melalui kaedah bayaran bersama (*co-payment*) sebanyak RM30.00 oleh pemandu manakala RM55.00 ditanggung melalui pembiayaan subsidi. Bagi pemandu yang perlu menjalani Ujian HbA1c, kadar ujian tertakluk kepada klinik panel seperti diterangkan di Soalan (13).

Bagi tujuan pembaharuan lesen vokasional, seperti diterangkan di Soalan (5), kadar fi pembaharuan Lesen Vokasional adalah RM 20.00, tidak termasuk fi penyelarasan (jika berkenaan).

16. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Khidmat Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 atau emel ke perkeso@perkeso.gov.my.

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

5 MEI 2026